

# **PEMBANGUNAN INDUSTRI SAYURAN DAN TANAMAN LADANG**

## **I. LATAR BELAKANG PROJEK**

1. Pengeluaran dan pengeksporan makanan perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan defisit perdagangan makanan. Untuk itu dalam usaha ke arah pencapaian unjuran pertumbuhan sektor makanan bagi tempoh RMK-9, Jabatan Pertanian akan memberi fokus kepada salah satu tanaman makanan utama, iaitu Sayur-sayuran dan Tanaman Ladang. Penumpuan adalah kepada dua golongan sasar iaitu usahawan tani dan sektor swasta bagi memastikan matlamat pengeluaran tersebut dicapai melalui projek-projek yang akan dilaksanakan. Selain meningkatkan pendapatan usahawan tani dan penglibatan sektor swasta, produktiviti ladang juga akan dipertingkatkan.
2. Bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti di kawasan sedia ada, pengamalan teknologi terkini seperti penggunaan benih yang berkualiti, penggunaan teknologi persekitaran terkawal seperti sistem fertigasi, struktur pelindung hujan, kecekapan sistem pengairan dan saliran, teknologi perladangan persis, mekanisasi dan automasi serta amalan pengendalian pasca tuai perlu diteruskan dan dipertingkatkan. Justeru itu, berbagai infrastruktur dan kemudahan yang sesuai perlu disediakan bagi mengatasi masalah pemasaran, produktiviti dan memberi nilai tambah kepada sesuatu produk komoditi seperti pelabelan jenama produk bebas racun kimia akan terlaksana. Projek pembangunan aktiviti pasca tuai juga akan dilaksanakan di projek-projek kelompok yang terpilih dengan kemudahan logistik.

## **II. PENJELASAN MENGENAI PROJEK**

3. Sasaran peningkatan pengeluaran makanan sehingga mencapai peningkatan eksport dan lebih dagangan dalam tahun 2010 adalah satu matlamat yang sungguh mencabar. Walau bagaimanapun, matlamat ini hanya dapat dicapai dengan tindakan yang drastik apabila pembangunan industri ini disokong dengan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan (*capacity building*) yang lengkap. Dengan infrastruktur dan kemudahan yang lengkap, bahan tanaman yang berkualiti dapat dikeluarkan untuk dibekalkan kepada pengusaha dan teknologi terkini dalam pengeluaran tanaman makanan serta pengendalian lepas tuai dapat diamalkan. Sehubungan ini peningkatan produktiviti ladang dan kualiti hasil akan tercapai. Seterusnya rangkaian pemasaran hasil ladang

dapat diperluaskan dan pendapatan usahawan tani yang menyertai projek-projek komersil dapat pertingkatkan.

4. Oleh itu, di bawah RMK9, pembangunan dan kemudahan infrastruktur, peralatan, dan perkhidmatan pengembangan perlu disalurkan untuk projek-projek komersil supaya pengamalan teknologi terkini seperti fertigasi, pengeluaran makanan organik dan pengamalan Pengurusan Ladang secara Amalan Pertanian Baik (APB) dapat diamalkan. Langkah ini dapat meningkatkan produktiviti serta mengeluarkan produk berkualiti dan selamat untuk dimakan.
5. Infrastruktur dan kemudahan ladang yang lengkap akan meningkatkan kemampuan sesebuah ladang sedia ada bagi pengeluaran tanaman makanan secara besar-besaran. Pelaksanaan projek-projek komersil secara berkelompok dan penubuhan koperasi atau syarikat oleh projek-projek kelompok terlibat adalah satu mekanisma yang berkesan untuk mempercepatkan proses penyatuan tanah-tanah kecil di bawah satu pengurusan dan mempermudah pemasaran.